

Hikayat Pandawa Lebur MSS 737: Kajian Tentang Gaya Bahasa Berdasarkan Model Dinamika Kelisanan

Maria Tahir^{1*}, Suhasni Dollah¹ dan Patarai Cholen¹

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu 59990 Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk-bentuk bahasa lisan berpola yang digunakan dalam Hikayat Pandawa Lebur (HPL) MSS 737 Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Manuskrip ini ditulis oleh seorang penyalin sewaktu sesi bercerita secara langsung oleh dalang kepada khalayak. HPL MSS 737 mengisahkan perang saudara antara keturunan Pandawa dan Korawa. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti bentuk-bentuk bahasa lisan berpola yang digunakan dalam Hikayat Pandawa Lebur (HPL) MSS 737 berdasarkan Model Dinamika Kelisanan Ong (1982). Pengumpulan data kajian ini diperoleh melalui kaedah analisis dokumen. Hasil analisis melalui pendekatan deskriptif menunjukkan bahawa manuskrip ini menggunakan gaya penceritaan yang bersifat memanjangkan pemerian daripada menyokong pemerian. Dalang juga menggunakan kata hubung yang menunjukkan bahawa wujud kesinambungan antara jalan cerita. Selain itu, terdapat penggunaan bahasa perbandingan seperti simile, unsur imejan, iaitu perbandingan tumbuh-tumbuhan, alam, mergastua. Hal ini menunjukkan bahawa dalang HPL MSS 737 mempunyai gaya bahasa tersendiri untuk menarik khalayak pendengar. Tegasnya, kajian ini membuktikan bahawa pengarang dalang HPL merupakan seorang genius Melayu kerana mempunyai gaya bahasa yang unik dan istimewa meskipun mereka tidak pernah mendapat pendidikan secara formal.

Kata Kunci : Cerita Pandawa, Hikayat Pandawa Lebur dan Kepengarangan.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the forms of spoken language used in the Hikayat Pandawa Lebur (HPL) MSS 737 National Library Collection of Malaysia, Kuala Lumpur. This manuscript was written by a copywriter during a story telling directly by the mastermind to the audience. The HPL MSS 737 narrates the civil war between the Pandavas and the Korawa. The objective of this study is to identify the forms of printed verbal language used in the Hikayat Pandawa Lebur (HPL) MSS 737 based on Ong's Dynamics Model (1982). Data collection was obtained through document analysis. The results of the analysis through a descriptive approach show that this manuscript uses the story telling style that extends the description from the support of the description. "Dalang" also uses a hyphen which indicates that there is a continuity between the storyline. In addition, there are comparative language usage such as simile, imagery elements, comparing vegetation, nature, mergastua. This shows that HPL MSS 737 'Dalang' has its own language style to attract audiences. In fact, this study proves that the HPL 'Dalang' HPL is a Malay genius because it has unique and special language styles even though they have never received formal education.

Keywords: Pandawa Story, Hikayat Pandawa Lebur and Archivers.

*Koresponden: maria@ipgkbm.edu.my